

12 JAN 2001

Mahathir-Rombakan

TEKA TEKI ROMBAKAN KABINET BERTERUSAN

KUALA LUMPUR, 12 Jan (Bernama) -- Teka teki mengenai rombakan kabinet berterusan apabila Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak membuat sebarang pengumuman hari ini seperti yang dijangkakan oleh media.

Pada sidang berita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno hari ini, Perdana Menteri yang ditanya bila beliau akan mengumumkan rombakan kabinet itu menjawab ringkas: "Apabila saya buat rombakan, saya akan umumkan."

Katanya beliau tidak membincangkan atau memaklumkan mengenai rombakan kabinet pada mesyuarat hari ini.

Ramai wakil akhbar termasuk media asing hadir pada sidang berita itu kerana menjangkakan beliau akan membuat pengumuman mengenai rombakan kabinet.

Dr Mahathir pernah membuat pengumuman mengenai rombakan kabinetnya selepas satu mesyuarat MT Umno pada awal 1999.

Selasa lepas kembalinya daripada lawatan kerja tiga hari ke Myanmar, beliau mengesahkan akan melakukan rombakan kabinet tidak lama lagi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman telahpun mengumumkan pada 5 Jan lepas bahawa beliau telah menghantar surat peletakan jawatannya kepada Dr Mahathir sebelum Perdana Menteri berlepas ke Myanmar.

Ketika ditanya pada sidang media hari ini sama ada rombakan kabinetnya akan turut membabitkan Menteri Besar, Dr Mahathir secara berseloroh berkata: "Rombaklah semua sekali, saya nak ikut sahaja apa yang Press (akhbar) hendak".

Perdana Menteri berkata, beliau tidak memaklumkan mengenai rombakan kabinet pada mesyuarat MT Umno kerana mesyuarat itu tidak ada kena mengena dengan kabinet.

"Para anggota MT telahpun dimaklumkan oleh pihak akhbar mengenai rombakan kerana mereka telah membaca akhbar," katanya merujuk kepada pelbagai spekulasi yang dibuat oleh akhbar mengenai rombakan itu.

-- BERNAMA

AFY AFY MAI